



PELAN STRATEGIK

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
2016-2020 (Pindaan 2013 – 2018)



Kandungan

Perutusan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie	4
Ringkasan Eksekutif	7
Latar Belakang Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	8
Carta Organisasi	10
Fungsi dan Peranan	11
Punca Kuasa	13
<i>Stakeholders</i> dan Pelanggan	14
Analisis Persekitaran dan Isu Strategik	15
Visi	33
Misi	34
Moto	35
Nilai Bersama	36
Objektif Strategik	37
Pelan Tindakan	38
Elemen Penentu Kejayaan	50
Penutup	54

PERUTUSAN KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah perkenan-Nya yang memberi ruang dan kelapangan bagi menyempurnakan Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) 2016-2020 (Pindaan 2013-2018).

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Latihan dan Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia JKSM yang telah berjaya bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bagi mengadakan Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Bangunan Mahkamah Syariah

Putrajaya . Output dari bengkel tersebut, JKSM dapat membangun, mengintegrasikan dan memuktamadkan perancangan strategik tersebut ke dalam Pelan Strategik JKSM bagi tempoh 2016-2020 (Pindaan 2013-2018).

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak khususnya Pasukan Projek iaitu Pasukan Khidmat Runding MAMPU dan kumpulan fasilitator JPA serta semua pegawai pengurusan tertinggi JKSM yang terlibat menjayakan pelan strategik tersebut. Kesediaan MAMPU dan JPA bekerjasama dengan JKSM secara kolektif telah membuahkan hasil iaitu membangunkan Pelan Strategik JKSM bagi tempoh 2016-2020 (Pindaan 2013-2018). Komitmen tinggi dan usaha serius yang diberikan oleh pegawai pengurusan tertinggi selama ini akan menjadi satu *turning point* kerana telah dapat memuktamadkan Pelan Strategik JKSM dengan jayanya. Langkah seterusnya selepas ini adalah JKSM akan berusaha menyeragamkan pelan strategik induk pada peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri di seluruh Malaysia.

Saya berharap Pelan Strategik JKSM akan menjadi satu dokumen penting ke arah pelaksanaan tanggungjawab yang lebih fokus, terancang, sistematik dan memberi kepuasan kepada pelanggan. Melalui Pelan Strategik, pelbagai aspek penting akan diberi keutamaan dan diambilkira antaranya aspek pelanggan, kewangan, pengurusan kes rayuan, pembangunan modal insan melalui latihan, pengurusan projek pembangunan Mahkamah Syariah dan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia (AKSM), pengurusan Sumber Manusia dan aspek pembangunan infrastruktur ICT.

Walaupun perancangan strategik merupakan kaedah terbaik dalam menentukan hala tuju sesebuah organisasi, ianya tidak dapat meramalkan sepenuhnya perubahan-perubahan serta krisis-krisis di luar jangkaan. Kita mesti membuat perancangan yang terbaik sebagai persediaan rapi dan merancang langkah alternatif sekiranya berlaku perubahan di luar jangkaan. Kebanyakan program yang berjaya dari segi pencapaian *output* dan *outcome* adalah lahir daripada kebijaksanaan dalam aspek perancangan. Kegagalan membuat perancangan rapi bermakna Jabatan tidak berupaya memahami masalah dan gagal memberi fokus terhadap isu-isu relevan.

Akhir sekali, saya berharap Pelan Strategik JKSM dapat direalisasikan dan segala perancangan dapat dilaksanakan. Saya yakin semangat bekerja dalam satu pasukan atau *amal jemie'* dengan kerjasama MAMPU dan JPA perancangan dalam Pelan Strategik JKSM akan menjadi realiti.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS Keadilan”

TAN SRI IBRAHIM LEMBUT

MEI 2016

Ringkasan Eksekutif

Bagi memastikan JKSM berperanan sebagai agensi penyelarasan pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia, satu Pelan Strategik JKSM 2016-2020 (Pindaan 2013-2018) diwujudkan. Pelan Strategik berkenaan menggariskan halatuju dan memperkukuhkan sistem penyampaian JKSM dalam menerajui agensi kehakiman Syariah ke arah perubahan yang lebih cemerlang.

Pelan Strategik ini mengandungi Visi, Misi, Objektif Strategik, Nilai Bersama dan Pelan Tindakan bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai perancangan dan pelaksanaan strategik JKSM bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Antara objektif strategik yang digariskan untuk merealisasikan Visi dan Misi yang telah ditetapkan dalam tempoh tersebut adalah:-

- ✚ Pemantapan kapasiti organisasi JKSM bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan;
- ✚ Penyeragaman sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia;
- ✚ Pemanfaatan teknologi ICT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- ✚ Pembangunan jaringan kerjasama strategik dengan agensi berkepentingan bagi mempertingkatkan kualiti dan profesionalisme pengurusan.

Setiap objektif strategik akan dilaksanakan melalui beberapa Pelan Tindakan yang akan diperincikan dalam Laporan Pelan Strategik ini. Intipati Pelan Strategik JKSM akan menjadi panduan penyeragaman bagi Pelan Strategik JKSN/MSN seluruh Malaysia.

Latar Belakang Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan pada 1 Mac 1998 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Julai 1996 yang bersetuju dengan cadangan penyusunan semula Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Kertas kajian dan cadangan dihasilkan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu. Hasil daripada kajian jawatankuasa ini telah memperakukan beberapa cadangan termasuk penubuhan Jabatan di peringkat persekutuan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sebagai penyelararas kepada usaha-usaha penyelarasan dan penyeragaman pengurusan serta pentadbiran Mahkamah Syariah semua negeri.

Perasmian penubuhan Jabatan ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Paduka Dr Abdul Hamid bin Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 15 Disember 1998.


Pada awalnya penubuhannya, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia hanya mempunyai 15 jawatan yang diketuai oleh Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie dan beberapa orang pegawai yang terdiri daripada Ketua Pendaftar, Pendaftar, Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan beberapa orang pegawai sokongan yang lain. Setelah setahun beroperasi, tenaga kerja untuk merealisasikan visi, misi objektif, fungsi dan piagam pelanggan adalah amat terhad, maka Jabatan telah memohon beberapa jawatan lagi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Pada tahun 1999, Kementerian Kewangan telah meluluskan 6 jawatan tambahan melalui Waran Perjawatan Bil.A34 tahun 1999. Seterusnya Kementerian Kewangan meluluskan lagi jawatan tambahan melalui Waran Perjawatan Bil.A10 Tahun 2002 kepada JKSM, dengan pertambahan sebanyak 91 jawatan baharu. Bilangan perjawatan di JKSM terus bertambah saban tahun menerusi Waran perjawatan yang diterima iaitu Waran Perjawatan Bil.A31/2004, Waran Perjawatan Bil.A96/2005, Waran Perjawatan Bil.A89/2006 dan Waran Perjawatan Bil.A62/2008. Ini menjadikan jumlah keseluruhan

perjawatan sehingga tahun 2009 adalah sebanyak 377 merangkumi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Sokongan I dan Sokongan II.

Satu bahagian baharu iaitu Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah diwujudkan di JKSM. Kewujudan BSK adalah hasil dari keputusan yang dicapai semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) Kali ke 47 pada tahun 2007 yang telah dipengerusikan oleh Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, YAB Perdana Menteri pada ketika itu.

Lokasi pertama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia terletak di Aras 3 Bangunan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. JKSM kemudiannya berpindah ke Aras 3, Perpustakaan Awam Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Selepas itu, pada Jun 1999 JKSM berpindah ke Aras 6 Rumah Persekutuan Kuala Lumpur. Seterusnya pada Jun 2001 berpindah ke Aras 2-3 Blok D7 Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Carta Organisasi



Fungsi dan Peranan

1. Mengendalikan kes-kes Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia;
2. Menggubal dasar dan strategi untuk mempertingkatkan prestasi Mahkamah Syariah negeri-negeri;
3. Menyelaraskan prosedur kehakiman untuk diterima pakai di negeri-negeri;
4. Mengawal dan menilai program dan aktiviti-aktiviti Mahkamah Syariah negeri-negeri yang menerima pakai skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Persekutuan;
5. Membina dan menyelaraskan kaedah-kaedah dan Arahan Amalan serta peraturan kepada semua pegawai syariah di JKSM, negeri-negeri dan lain-lain agensi berkaitan;
6. Membangun, menyelaraskan dan mentadbir penggunaan sistem maklumat elektronik di JKSM, negeri-negeri dan agensi berkaitan;
7. Menguruskan pembangunan dan keperluan modal insan di JKSM, negeri-negeri dan agensi berkaitan;
8. Membangunkan Pusat Sumber Maklumat dan penerbitan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman Syariah bagi menyediakan bahan-bahan rujukan ilmiah kepada pegawai syariah di seluruh Malaysia dan orang awam;

9. Melaksanakan penyelidikan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman Syariah sesuai dengan perkembangan semasa;
10. Mengawal selia perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah melalui tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah
11. Menyalurkan pendahuluan nafkah kepada pelanggan yang layak sementara tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah diselesaikan di Mahkamah Syariah
12. Menyediakan perkhidmatan BSK Transit kepada pelanggan Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Punca Kuasa

Punca kuasa bagi JKSM untuk melaksanakan fungsi dan peranannya adalah seperti berikut :

1. Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Julai 1996 – penubuhan JKSM
2. Perlembagaan Persekutuan;
3. Akta/Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri;
4. Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri;
5. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri;
6. Akta Tatacara Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri;
7. Akta Kesalahan Jenayah Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri;
8. Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri;
9. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]; dan
10. Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-47 Tahun 2007 – penubuhan BSK;

Stakeholders Dan Pelanggan

Pelanggan JKSM terdiri daripada pelanggan luaran, pelanggan dalaman dan pelanggan yang berkepentingan.

- 1) Pelanggan Dalaman – semua pegawai dan kakitangan JKSM.

- 2) Pelanggan Luaran
 - i. Pegawai Syariah;
 - ii. Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri seluruh Malaysia; dan
 - iii. Orang Awam.

- 3) Pelanggan yang berkepentingan
 - i. *Stakeholders* – Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM;

 - ii. Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah; dan

 - iii. Kerajaan-kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang ada urusan secara langsung atau tidak secara langsung seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Agama Islam Negeri dan sebagainya.

Analisis Persekitaran dan Isu Strategik

Dalam menjalankan analisis persekitaran, JKSM telah menggunakan beberapa kaedah seperti Analisis SWOT, 7S McKinsey dan PESTEL bagi mengenal pasti isu-isu strategik yang menjadi penghalang dalam mencapai Visi dan Misi JKSM. Empat isu-isu strategik yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

1. Keperluan Kepada Pemantapan Kapasiti Organisasi

Bagi mencapai matlamat memantapkan kapasiti organisasi, komitmen dan kerjasama warga JKSM adalah penting. Sehubungan dengan itu, Jabatan perlu memberikan tumpuan khusus terhadap persepsi dan aduan pelanggan dengan mengadakan pemantauan yang berterusan dan menyeluruh terhadap sebarang pelaksanaan keputusan atau tugas yang kurang cekap oleh pegawai dan kakitangan JKSM. Di samping itu, struktur organisasi yang tidak memenuhi kehendak dan fungsi Jabatan perlu dilihat semula. Ia meliputi kurangnya bilangan pegawai yang berkemahiran tinggi dalam bidang berkaitan, pengurusan masa yang lemah di kalangan warga Jabatan, sumber kewangan Jabatan yang terhad dan terdapatnya sebahagian warga Jabatan yang kurang mahir dalam bidang tertentu. Faktor luaran seperti campur tangan dari pihak luar dalam pengurusan Jabatan dan penempatan pegawai dan kakitangan JKSM yang tertakluk kepada keputusan negeri-negeri terbabit juga harus diberikan perhatian oleh pengurusan tertinggi Jabatan.

Pembuktian:

- ✚ Persepsi dan aduan pelanggan
- ✚ Komitmen dan kerjasama warga
- ✚ Sebahagian warga kurang mahir dalam bidang tertentu
- ✚ Sumber kewangan yang terhad
- ✚ Pengurusan masa yang lemah dalam kalangan warga
- ✚ Kurang pegawai berkemahiran tinggi
- ✚ Struktur organisasi tidak memenuhi kehendak dan fungsi jabatan organisasi
- ✚ Pemantauan berterusan yang berkesan dan menyeluruh
- ✚ Campur tangan pihak luar dalam pengurusan jabatan
- ✚ Pelaksanaan keputusan/tugas yang kurang cekap
- ✚ Penempatan personel tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri

2. Keperluan kepada Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia

Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia dilihat sebagai salah satu komponen pelan strategi yang sangat penting. Ini kerana, keseragaman kedua-dua sistem ini adalah faktor utama untuk mewujudkan kekuatan dan kestabilan undang-undang Syariah di Malaysia. Usaha keras dan berpanjangan yang sentiasa dilakukan oleh JKSM dilihat akan membolehkan keseragaman kedua-dua sistem di seluruh negeri di dalam tempoh lima tahun ke hadapan.

Usaha keras dan berpanjangan oleh JKSM, walau bagaimanapun terhalang oleh beberapa faktor yang secara umumnya melibatkan keengganan daripada jabatan kehakiman di negeri-negeri tertentu. Antara keseragaman yang sukar dicapai ialah di dalam penerimaan kaedah-kaedah yang dibina di peringkat JKSM di peringkat JKSN/MSN. Kaedah-kaedah melibatkan garis panduan samada dari segi pelaksanaan tugas atau pentadbiran telah diterima dan dikuatkuasakan di JKSM, tidak diterima dan dikuatkuasakan oleh JKSN/MSN dengan sepenuhnya. Ini menyebabkan rujukan untuk penyelesaian di JKSN/MSN terbabit tidak boleh diseragamkan. Masalah seperti ini kemudiannya menghalang aplikasi undang-undang Syariah secara berkesan di peringkat negeri.

Selain itu, penambahan pendaftaran kes-kes Syariah di negeri-negeri hanya boleh diselesaikan dengan penambahan tenaga kerja di semua negeri. Sekiranya keseragaman dapat dicapai, maka setiap kekurangan tenaga kerja boleh ditampung dengan bantuan dari JKSM sebagai induk jabatan-jabatan Syariah seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, penyelesaian ini adalah sukar memandangkan terdapat JKSN/MSN yang belum menerima pakai Skim Perkhidmatan Gunasama Persekutuan. Ini menyebabkan masalah kekurangan pegawai dan kakitangan di peringkat negeri, contohnya tidak boleh dirungkaikan oleh JKSM. Sedangkan kecukupan kakitangan dilihat sebagai boleh menjamin kelancaran kes-kes yang didaftarkan di mahkamah-mahkamah Syariah. Ini pada masa yang sama ia akan memudahkan golongan yang

memerlukan khidmat Syariah yang berkaitan. Di sini boleh dilihat bagaimana keseragaman boleh menguntungkan masyarakat di negeri-negeri lain.

Cabaran akan datang pastinya akan lebih hebat; keseragaman kedua-dua sistem undang-undang Syariah ini akan membentuk pasukan yang lebih kuat dan lantang di dalam memperjuangkan Syariah. Kekuatan ini penting untuk memartabatkan undang-undang Syariah supaya ia menjadi satu sistem yang kental dan sempurna yang boleh berdiri dengan sendirinya di Malaysia.

JKSM percaya bahawa sistem kehakiman dan perundangan Syariah perlu tampil bebas dalam menangani, mentadbir dan memutuskan isu-isu berkaitan di semua negeri di Malaysia dan ini hanya boleh direalisasikan melalui penyeragaman kedua-dua sistem undang-undang Syariah.

Salah satu fungsi utama BSK adalah memainkan peranan Peguam Syarie untuk membantu Mahkamah Syariah menguatkuasa dan melaksanakan sesuatu perintah khususnya yang berkaitan dengan nafkah. Fungsi ini hanya akan dapat dimainkan dengan baik sekiranya Pegawai BSK Seksyen Negeri diberikan tauliah Peguam Syarie.

Situasi semasa menyaksikan keperluan Jawatan kuasa Peguam Syarie Negeri-negeri terhadap kelayakkan yang perlu ada bagi seseorang Pegawai Syariah BSK untuk diterima sebagai Peguam Syarie di negeri-negeri adalah berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Perkara utama yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah perbezaan peruntukan Kaedah-kaedah Peguam Syarie Negeri-negeri. Selain itu ketiadaan peruntukan di dalam kaedah tersebut yang membolehkan Pegawai Syariah dilantik sebagai Peguam Syarie secara automatik sebagaimana Pegawai JBG juga menjadi faktor penyumbang kepada permasalahan ini.

Justeru itu satu gerak kerja bagi menyeragam dan menambahbaik semua kaedah-keadah Peguam Syarie di negeri-negeri perlu dilakukan dan diberi keutamaan.

JKSM percaya bahawa sistem kehakiman dan perundangan Syariah perlu tampil bebas dalam menangani, mentadbir dan memutuskan isu-isu berkaitan di semua negeri di Malaysia dan ini hanya boleh direalisasikan melalui penyeragaman kedua-dua sistem undang-undang Syariah.

Pembuktian:

- ✚ Terdapat kaedah-kaedah yang dibina di peringkat JKSM tidak diterima dan dikuatkuasakan sepenuhnya oleh JKSN/MSN
- ✚ Terdapat JKSN/MSN yang belum menerima pakai Skim Perkhidmatan Pegawai Gunasama Persekutuan
- ✚ Berlaku campur tangan dalam pentadbiran/membuat keputusan
- ✚ Peningkatan pendaftaran kes Syariah
- ✚ Kekangan dengan dasar pihak kerajaan negeri
- ✚ Jurang dalam pembangunan fizikal negeri dan daerah
- ✚ Pentauliahan Pegawai Syariah BSK Negeri sebagai Peguam Syarie

3. Keperluan untuk memanfaatkan teknologi ICT dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan

Penggunaan teknologi ICT menjadi sebahagian keperluan untuk merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. ICT berupaya untuk menyediakan perkhidmatan melalui pelbagai saluran dengan cepat, cekap, berkesan dan telus. Kemajuan teknologi ICT terbukti berjaya memantapkan keberkesanan transformasi penyampaian perkhidmatan.

Antara elemen yang perlu diberi penekanan bagi menggerakkan dan mencapai pembangunan teknologi ICT adalah peruntukan kewangan yang mencukupi serta perbelanjaan mengikut *value for money* untuk mendapat teknologi yang bersesuaian dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan.

Selain itu elemen bagi mewujudkan ruangan komunikasi serta mengintegrasikan fungsi utama dengan proses perancangan ICT adalah juga perlu dititik beratkan. Inisiatif strategik disediakan untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat. Ianya penting bagi menyediakan statistik yang tepat bagi membantu pihak pengurusan membuat analisa dan menyelaras keperluan organisasi. Proses pengemaskinian data mestilah dilaksanakan berterusan bagi menjayakan kebolehppercayaan maklumat. Kemudahan ICT serta penggunaan teknologi terkini perlu dirancang secara strategik bagi menyokong proses pengemaskinian data.

Mengenalpasti keperluan teknologi ICT yang terkini serta peluang penambahbaikan yang baru bagi mempraktikkan teknologi yang mempunyai potensi untuk menjayakan perkongsian data dan maklumat antara agensi. Ianya akan meliputi pendekatan dan pilihan yang bersesuaian untuk aplikasi, infrastruktur dan organisasi. Ketersediaan minda, perlakuan, persekitaran kerja, sistem dan prosedur organisasi juga adalah faktor penentu kejayaan penggunaan teknologi ICT bagi mencapai penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Penerapan pengetahuan dan pementapan kemahiran modal insan melalui program latihan yang komprehensif seiring

dengan teknologi semasa menyumbang kepada kecemerlangan penyampaian perkhidmatan.

Pembuktian:

- ✚ Kos yang terlalu tinggi

- ✚ Ketepatan dan kesahihan maklumat/fakta

- ✚ Pengemaskinian data

- ✚ Perkongsian data dan maklumat

4. Keperluan untuk membangunkan jaringan kerjasama strategik

Bagi memantapkan lagi fungsi dan peranan JKSM, Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah melaksanakan beberapa aktiviti. Antaranya mengadakan Program Jelajah Informasi Mesra untuk memperkenalkan peranan dan fungsi JKSM kepada masyarakat. Program ini melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk Universiti / pelajar IPT, agensi Kerajaan dan masyarakat dalam serta luar bandar.

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) pula telah melakukan gerak kerja membangunkan jaringan kerjasama strategik dengan beberapa Jabatan kerajaan dan agensi khususnya dalam tahun 2012 antaranya adalah Jemaah Islah Malaysia (JIM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Insolvensi Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Amanah Raya Berhad (ARB), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Matlamat utama jaringan kerjasama strategik ini dilakukan selain mempromosikan BSK adalah untuk melicinkan gerak kerja BSK khususnya BSK Seksyen Negeri yang berhadapan dengan cabaran mengendalikan kes Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah khususnya dari aspek menjejaki penghutang penghakiman yang culas.

Hasil jalinan kerjasama yang telah dilakukan mendapati usaha-usaha untuk mendapatkan maklumat berkenaan penghutang penghakiman semakin tersusun dan teratur. Walaubagaimanapun masih terdapat ruang penambahbaikan di mana sekiranya kesemua maklumat penghutang penghakiman tersebut boleh diperolehi secara berpusat daripada satu agensi tertentu. Ianya akan memudahkan dan mempercepatkan proses carian maklumat penghutang penghakiman.

Pembuktian:

- ✚ Data/maklumat sukar diperolehi daripada agensi kerajaan lain
- ✚ Laporan media yang berat sebelah dan kurang tepat

5. Keperluan Kepada Memartabatkan Sistem Kehakiman Syariah Melalui Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Mahkamah

Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah mahkamah menjadi sebahagian daripada keperluan untuk memartabatkan Sistem Kehakiman Syariah di Malaysia. Ketidakupayaan dan ketidakcekan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah menjadi faktor penyumbang kepada ketidakpatuhan perintah mahkamah.

Kewujudan suatu agensi yang mengawal selia urusan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah bukanlah satu perkara yang asing di negara-negara maju seperti United Kingdom dan Australia. Di negara-negara ini, agensi khusus tersebut berperanan melaksanakan tiga fungsi utama iaitu taksiran, kutipan dan penguatkuasaan perintah. Model yang digunapakai oleh agensi ini telah dikaji dan dijadikan panduan di dalam menubuhkan BSK JKSM. Walaubagaimanapun berasaskan prinsip keadilan syariah, model BSK pada hari ini merupakan ubahsuai kepada sistem sedia. BSK JKSM menjalankan fungsi melalui penubuhan tiga unit iaitu :-

a. Unit Khidmat Nasihat Perundangan

- a. Mengendalikan sesi khidmat nasihat kepada pelanggan.
- b. Menjalankan siasatan terhadap bekas suami atau bapa dan menjalankan proses rundingcara untuk mendapatkan persetujuan bersama daripada Pihak-Pihak.

b. Unit Pengurusan Dana

- a. Mengawal dan menyelia pembayaran pendahuluan nafkah sementara kepada ibu dan/atau anak-anak yang berkelayakan selama tempoh 6 bulan.
- b. Menyediakan syor kelulusan penerima dana untuk pertimbangan Jawatankuasa Akaun Amanah.
- c. Mengemaskini maklumat kutipan balik dana oleh Penghutang Penghakiman/Pemiutang Penghakiman

- d. Menyelia dan menyelenggara Akaun Amanah BSK dan KWASK agar mematuhi prosedur kewangan.
- c. Unit Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah
- a. Menjalankan tugas sebagai Peguam Syarie dan Bailif dalam menguatkuasa dan melaksanakan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Antara elemen yang diberi penekanan dalam memantapkan penguatkuasaan perintah adalah melalui pemerksaan kaedah pemantauan kepatuhan terhadap perintah mahkamah. Penambahbaikan sistem sedia ada serta mempelbagai kaedah pemantauan adalah penting dalam memastikan kepatuhan terhadap perintah mahkamah.

Selain itu bantuan sokongan interim terhadap pihak yang diabaikan perintah perlu diberi keutamaan. Dalam aspek bantuan sokongan interim, program libat urus bersama agensi bertanggungjawab yang lain akan ditingkatkan bagi memastikan sistem penyampaian berlangsung tanpa ada kerenah birokrasi.

Dalam merealisasikan pelaksanaan dan pematuhan kepada setiap keputusan/perintah mahkamah, tindakan undang-undang adalah penting. Dari aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah, kemahiran dalam menyelesaikan pertikaian sama ada di dalam atau di luar mahkamah akan sentiasa dipertingkatkan.

Pembuktian:

- ✚ -Peningkatan statistik kes
- ✚ -Laporan akhbar
- ✚ -statistik penyelesaian kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah

Visi

Memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah dalam Sistem Kehakiman dan Perundangan Negara

Visi yang diperaku JKSM adalah mengambil kira elemen SMART iaitu pengkhususan (*specific*), keboleh-ukuran (*measurable*), keboleh-laksanaan (*achievable*), realistik (*realistic*) dan tempoh perlaksanaan (*timeliness*). Penerangan elemen SMART adalah seperti berikut:

- Specific*** : Sentiasa memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah dalam sistem kehakiman dan perundangan Negara.
- Measurable*** : Melalui penyeragaman undang-undang, Arahan Amalan, Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dan keberkesanan pengurusan kes mahkamah rayuan Syariah.
- Achievable*** : Agensi yang berkait rapat dengan pentadbiran kehakiman Syariah
- Realistic*** : Responsif terhadap Visi dan Misi JKSM
- Timeliness*** : Tempoh 2016-2020 (Pindaan 2013-2018).

Misi

Meningkatkan Kecekapan Dan Keseragaman Dalam Sistem Pentadbiran Kehakiman Syariah di Seluruh Malaysia

Misi yang diperaku JKSM adalah mengambil kira elemen 3W1H iaitu apa (*what*), siapa (*whom*), kenapa (*why*) dan bagaimana (*how*). Penerangan elemen 3W1H adalah seperti berikut:

What: Sistem pentadbiran kehakiman yang cekap dan seragam

Whom: Pegawai dan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia

How: Mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan seragam melalui pewujudan Arahan Amalan, Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dan pengurusan kes rayuan

Why: Kecekapan dan keseragaman ini akan memartabatkan institusi kehakiman Syariah

Moto

Syariah Asas Keadilan

Moto yang diperaku JKSM digunakan oleh semua Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri seluruh Malaysia. Keseragaman moto jabatan ini adalah bersesuaian dengan fungsi dan peranan JKSM.

Nilai Bersama

Warga JKSM berpegang kepada lima nilai bersama dalam melaksanakan Misi ke arah pencapaian Visi yang ditetapkan.

SAKSAMA

- ✚ Bertindak secara kolektif, strategik dalam menggubal, praktikal dalam pelaksanaan bagi mencapai keseragaman yang menyeluruh serta mendapat *outcome* yang optimum dan sistematik

SABAR

- ✚ Bersifat tenang, berani dan mempunyai pertimbangan yang saksama dapat melahirkan ketelitian bagi mencapai keputusan yang bijaksana dalam segala tindakan dari semasa ke semasa

KESEDERHANAAN

- ✚ Memilih jalan pertengahan, sedia menerima teguran dan cadangan yang membina dari semua peringkat, berkeupayaan memberi cadangan untuk membaikinya bagi mencapai visi dan misi organisasi

INTEGRITI

- ✚ Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa bertanggungjawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku terpuji dan beramanah

RESPONSIF

- ✚ Peka dan prihatin kepada kehendak *stakeholders* dan kepuasan pelanggan diutamakan di samping memahami isu-isu semasa dalam mencari penyelesaian terbaik

Objektif Strategik

Pemantapan Kapasiti Organisasi JKSM Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah di Malaysia

Pemanfaatan Teknologi ICT Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Pembangunan Jaringan Kerjasama Strategik dengan Agensi Berkepentingan Bagi Mempertingkatkan Kualiti dan Profesionalisme Pengurusan

Memartabatkan Sistem Kehakiman Syariah Melalui Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Mahkamah

Pelan Tindakan

TERAS STRATEGIK 1

Pemantapan Kapasiti Organisasi JKSM Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Sistem Perkhidmatan

- ✚ Peningkatan tahap kepuasan dan keyakinan pelanggan terhadap Jabatan/Mahkamah Syariah
- ✚ Melahirkan modal insan yang profesional dan berdaya saing
- ✚ Pengukuhan tadbir urus yang baik

TERAS STRATEGIK 1		Pemantapan Kapasiti Organisasi JKSM Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Sistem Perkhidmatan			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan pembangunan organisasi	1. Memperkukuhkan struktur dan skim perkhidmatan	Penarafan Dalam Sistem Penarafan Bintang (SSR)	Mendapat penarafan lima bintang dalam Sistem Penarafan Bintang MAMPU		Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	2. Memantapkan fungsi, peranan dan tugas				
	3. Pelan Transformasi Jabatan				
	4. Membangunkan Pelan Strategik Sumber Manusia.				

TERAS STRATEGIK 1		Pemantapan Kapasiti Organisasi JKSM Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Sistem Perkhidmatan			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	1. Meningkatkan prasarana dan fasiliti pejabat	Pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengauditan Indeks Akauntabiliti	Mendapat penarafan lima bintang	2016-2020	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	2. Memperkasa sistem penyelenggaraan aset				
	3. Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan	Kajian kepuasan bekerja			Bahagian Dasar dan Penyelidikan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	4. Memantapkan pengurusan risiko jabatan				Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

TERAS STRATEGIK 1		Pemantapan Kapasiti Organisasi JKSM Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Sistem Perkhidmatan			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperkasakan proses dan prosedur jabatan melalui peningkatan kualiti dan inovasi	1. Pelan Tindakan Inovasi	Penarafan lima bintang	Mendapat dan mengekalkan pengiktirafan daripada SIRIM, MPC, MAMPU, Cyber Security Malaysia	2016-2020	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	2. Pensijilan MS ISO	Sijil MS ISO			
	3. Amalan 5S/ EKSA	Sijil 5S/EKSA			
	4. Kumpulan Inovatif dan Kreatif(KIK)	Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif			
	5. Semakan semula proses kerja				

TERAS STRATEGIK 1		Pemantapan Kapasiti Organisasi JKSM Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Sistem Perkhidmatan			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan perancangan dan pengurusan kewangan jabatan secara cekap dan berkesan	1. Memastikan pengurusan akaun yang optimum	Pengauditan Indeks Akauntabiliti	Mendapat penarafan lima bintang	2016-2020	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	2. Memastikan pengurusan perbelanjaan pembangunan secara optimum				

TERAS STRATEGIK 1		Pemantapan Kapasiti Organisasi JKSM Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Sistem Perkhidmatan			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan perancangan dan pengurusan kewangan jabatan secara cekap dan berkesan	3. Memastikan pengurusan Perolehan Jabatan diuruskan secara cekap dan optimum	Pengauditan Indeks Akauntabiliti	Mendapat penarafan lima bintang	2016-2020	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	4. Memastikan pengurusan aset diuruskan secara cekap dan berkesan				
	5. Pemantauan pebelanjaan mengikut perancangan berdasarkan <i>MyResult</i>				

TERAS STRATEGIK 2

Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia

- ✚ Peningkatan tahap kepuasan dan keyakinan pelanggan terhadap Mahkamah Syariah melalui kecekapan dan keberkesanan pengurusan kes di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia

TERAS STRATEGIK 2		Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1.Mengurus dan mengendalikan kes Rayuan	Meningkatkan kecekapan pengendalian sidang rayuan	Pengurangan tangguhan kes Penyediaan alasan penghakiman secara efisien	80% 80% Disediakan dalam tempoh yang ditetapkan	2016-2020	Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod Program Kehakiman
	Meningkatkan kecekapan pengurusan kes rayuan	Peningkatan kepuasan pelanggan Pengurangan kes tertunggak Peningkatan imej Jabatan	80% 80% Indeks Persepsi		

TERAS STRATEGIK 2		Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
2. Mewujudkan kerjasama dengan pihak yang berkepentingan	Mengadakan hubungan kerjasama dan perkongsian pintar dengan agensi yang terlibat secara langsung dalam penggubalan undang-undang.	Mengadakan mesyuarat bersama jabatan yang berkenaan	Sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun	2016-2020	Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod
	Mengadakan Mesyuarat Ketua-Ketua Pendaftar Seluruh Malaysia	Menghasil dan Menyelaras keputusan mesyuarat	Tiga kali dalam setahun		

TERAS STRATEGIK 2		Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
2. Mewujudkan kerjasama dengan pihak yang berkepentingan	Mengadakan Pesidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia secara berkala	Menghasil dan Menyelaras keputusan Mesyuarat	Dua kali setahun	2016-2020	Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod
	Mengadakan Mesyuarat Ketua Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama secara berkala		Tiga kali setahun		
	Mengadakan Mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia dengan agensi berkaitan		Setiap kali penempatan dibuat		Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

TERAS STRATEGIK 2		Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
3. Mempertingkatkan kesedaran orang awam terhadap prosedur undang-undang	Mengadakan Program bersama Pelanggan secara berkala	Meningkatkan pemahaman dan kesedaran terhadap undang-undang Islam	3 kali setahun	2016-2020	Bahagian Sokongan Keluarga Unit Komunikasi Korporat Unit Integriti Bahagian Latihan
	Memantapkan Unit Komunikasi Korporat di JKSM melalui aktiviti dan program yang berkaitan dengan undang-undang Islam	Meningkat imej Jabatan	3 kali setahun		Unit Komunikasi Korporat
	Menerbitkan Buku Panduan Manual berkaitan Proses Kes di Mahkamah Syariah	Memberikan maklumat kepada pengamal undang-undang dan orang awam	5 tahun sekali		Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan

4. Menyeragamkan keperluan pembangunan fizikal projek Mahkamah Syariah dibawah JKSM	Menyelaraskan pembangunan fizikal Projek Mahkamah Syariah negeri.	Warga JKSM, JKSN / MSN dapat bekerja dalam suasana persekitaran yang kondusif	Tiga projek setahun		Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	Mewujudkan Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan	Membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan projek dan memantau projek dari segi fizikal dan kewangan	Dua kali setahun		Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

TERAS STRATEGIK 2		Penyeragaman Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
5.Meningkatkan kewibawaan dan keyakinan Kerajaan Negeri terhadap JKSM sebagai sebuah agensi penyelaras	Melahirkan pegawai-pegawai yang berkemahiran tinggi	Menghasilkan mutu kerja yang memberi impak tinggi kepada Jabatan Profesionalisme dan kompetensi	7 hari setahun bagi setiap pegawai dan kakitangan	2016-2020	Bahagian Latihan
	Mengadakan promosi melalui media massa secara berterusan	Peningkatan imej JKSM	80% (peningkatan sebanyak 2% setiap tahun)		Unit Komunikasi Korporat
	Mengadakan mesyuarat berkala bersama kerajaan negeri	Peningkatan imej JKSM	Sekali setahun/ penglibatan 7 negeri guna sama		Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
6. Memantapkan sistem dan prosedur kerja	Mewujudkan dan memperkemaskan Arahan Amalan	Penyelarasan Undang-undang	Sekurang-kurangnya 4 Arahan Amalan setahun		Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod
	Membuat kajian bagi mewujudkan kaedah untuk mempercepatkan kes	Peningkatan kepuasan pelanggan	Sekurang-kurangnya 3 Kaedah dalam 5 tahun: 1.Kaedah	Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod Bahagian Dasar dan Penyelidikan	

			2.Kajian 3.BPR SOP		
	Membuat pemantauan pelaksanaan Arahan Amalan	Penyelarasan undang-undang	80 peratus pematuhan setahun		Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod

TERAS STRATEGIK 3

Pemanfaatan teknologi ICT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan

- ✚ Memastikan ketepatan dan kesahihan data dengan kos yang optimum melalui penggunaan sumber ICT, infrastruktur yang standard, fleksibel dan selamat serta perkongsian maklumat antara agensi dalaman dan luaran

TERAS STRATEGIK 3		Pemanfaatan teknologi ICT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Mengoptimumkan penggunaan sumber ICT	Pelan Strategik ICT	Peningkatan Kepuasan Pelanggan	50%	2018	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	Penyediaan Dasar Keselamatan ICT dan Tatacara dan Garis Panduan Keselematan ICT jabatan	Peningkatan pematuhan polisi	95%		
	Program Kesedaran Keselamatan ICT jabatan	Peningkatan pemahaman dasar keselamatan ICT jabatan	100%		
	Melaksanakan Pengurusan Perubahan	Peningkatan penggunaan sistem		2016	
	Penambahbaikan laman web / portal jabatan	Peningkatan capaian portal jabatan			

TERAS STRATEGIK 3		Pemanfaatan Teknologi ICT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperkuuhkan infrastruktur ICT	Menyediakan persekitaran infrastruktur ICT yang fleksibel, selamat dan efektif dari segi kos dalam menyediakan perkhidmatan elektronik.	Pewujudan fasiliti pemulihan bencana	100%	2017	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
		Penambahbaikan dan pengujian Pelan Kesyukuran Perkhidmatan		2016	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	Pembangunan E-Syariah di atas platform tunggal	Kelulusan peruntukan	100%	2016	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
		Pembangunan sistem baru		2018	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Mempertingkatkan perkongsian maklumat antara agensi luar	Melaksanakan <i>knowledge management community</i>	Satu pangkalan data maklumat	70% capaian secara digital	2017	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Meningkatkan kepakaran dalaman	Menyediakan keperluan latihan dan bidang kepakaran yang diperlukan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi	Pengurangan kebergantungan kepada pembekal/vendor	50 peratus projek ICT di bangun dan diselenggarakan secara <i>in-house</i> .	2018	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Bahagian Latihan

TERAS STRATEGIK 4

Pembangunan Jaringan Kerjasama Strategik Dengan Agensi Berkepentingan Bagi Mempertingkatkan Kualiti Dan Profesionalisme Pengurusan

- ✚ Peningkatan kreadibiliti, imej dan keyakinan pelanggan Terhadap JKSM melalui jaringan kerjasama serta perkongsian Pintar dengan agensi lain

TERAS STRATEGIK 4		Pembangunan Jaringan Kerjasama Strategik Dengan Agensi Berkepentingan Bagi Mempertingkatkan Kualiti Dan Profesionalisme Pengurusan			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1. Memperkukuhkan hubungan dua hala dengan agensi lain	Penganjuran program secara bersama dengan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri	Memperkukuhkan hubungan dan jaringan kerja	Sekurang-kurangnya dua program setahun	2017	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
		Meningkatkan imej Jabatan (Indeks Persepsi)	Peratusan (70 Peratus)	2016	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

TERAS STRATEGIK 4		Pembangunan Jaringan Kerjasama Strategik Dengan Agensi Berkepentingan Bagi Mempertingkatkan Kualiti Dan Profesionalisme Pengurusan			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
2. Menjalinkan hubungan erat dengan media	Penganjuran Majlis Apresiasi Media	Peningkatan bilangan kerjasama dengan media Meningkatkan imej Jabatan-Indeks persepsi Peningkatan liputan media Peningkatan persepsi positif pihak media kepada jabatan-jabatan media	Dua agensi media setiap tahun Peraturan (70 Peratus)	2016-2020	Unit Komunikasi Korporat
	Majlis mesra /lawatan kerja ke pejabat media	Menjalinkan hubungan erat dengan media	Setahun sekali	2016-2018	

TERAS STRATEGIK 4 :		Pembangunan Jaringan Kerjasama Strategik Dengan Agensi Berkepentingan Bagi Mempertingkatkan Kualiti Dan Profesionalisme Pengurusan			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memanfaatkan kerjasama dua hala dengan negara luar	Program kerjasama penanda aras Peringkat ASEAN dan Timur Tengah dalam Penghakiman Kes Semasa atau lain-lain	Pemantapan dalam penulisan penghakiman kes	Tiga kali setahun	2016-2020	Kehakiman
	Program mediasi bersama <i>The Accord Group Australia/Arbitrators & Mediators Institute of New Zealand</i> dan lain-lain	Peningkatan produktiviti dan kompetensi pegawai	Tiga kali setahun	2016-2020	Bahagian Latihan

Memanfaatkan kerjasama dua hala dengan petubuhan bukan kerajaan (NGO)	Program kerjasama dengan Persatuan-Persatuan Peguam	Peningkatan kefahaman berkaitan Arahan Amalan Dan penambahbaikan pengurusan kes	Sekali setahun	2016-2020	Bahagian Latihan
	Program kerjasama dengan PUSPANITA dan lain-lain NGO Wanita Islam	Peningkatan kesedaran undang-undang			

TERAS STRATEGIK 5 :

Memartabatkan Sistem Kehakiman Syariah Melalui Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Mahkamah

✚ Memantapkan penguatkuasaan perintah nafkah Mahkamah Syariah

TERAS STRATEGIK 5		Memartabatkan Sistem Kehakiman Syariah Melalui Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Mahkamah			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan penguatkuasaan perintah nafkah Mahkamah Syariah	Memperkasakan pemantauan kepatuhan terhadap perintah melalui sistem yang berkesan	Peningkatan tahap pematuhan kepada perintah	60 peratus kes setahun	2016-2020	Bahagian Sokongan Keluarga
	Memperkukuhkan bantuan sokongan interim kepada pihak-pihak berkenaan	Pengurangan bebanan sara hidup terhadap pihak-pihak berkenaan dan Peningkatan imej Jabatan	50 peratus kes setahun		
	Menguatkuasakan perintah mahkamah terhadap pihak-pihak melalui tindakan undang-undang	Peningkatan penyelesaian kes penguatkuasaan	60 peratus kes setahun		

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Komponen utama yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan perancangan strategik ini adalah :-

1. Komitmen Pengurusan Atasan

Pengurusan atasan Jabatan memberikan perhatian yang serius serta menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menjayakan perancangan strategik ini. Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pengurusan atasan memberi petunjuk bahawa pencapaian matlamat perancangan strategik adalah penting dan ini perlu difahami oleh semua peringkat kakitangan dalam Jabatan.

2. Pembangunan Modal Insan

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan JKSM melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Ini termasuklah perancangan strategik, **business process re-engineering / improvement**, metodologi penyelidikan, perancangan dan pengurusan ICT serta pengurusan prestasi. Pendekatan budaya perkongsian ilmu, pembelajaran berterusan, **coaching** dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan. Tujuan perancangan tersebut adalah untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan mengekalkan **institutional memory** JKSM. Strategi perancangan sumber manusia akan meliputi latihan, pembangunan kerjaya, pengurusan prestasi dan pengiktirafan .

3. Pengurusan Projek

Pengurusan projek akan diperkemas bagi memastikan projek-projek dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan agar memenuhi sasaran objektif yang ditetapkan. Pada masa yang sama, sumber-sumber akan digembleng secara optimum bagi mencapai maksud ini.

4. Pelan Strategik ICT JKSM

Objektif ICT JKSM ialah memanfaatkan penggunaan sistem teknologi maklumat dengan meluas bagi melicinkan pentadbiran kehakiman syariah. ICT melalui E-Syariah mampu membawa perubahan dan pembaharuan kepada operasi di Mahkamah Syariah. Ianya dapat memperkemarkan pengurusan kes dan juga menyeragamkan proses pengendalian pendaftaran Peguam Syarie dan urusan harian pejabat. Manakala melalui Sistem Rangkaian Pengurusan Perpustakaan JKSM yang akan dibangunkan bagi mempermudah proses memesan buku-buku dan bahan-bahan perpustakaan untuk rujukan para hakim agar dapat memahami prosedur mahkamah dengan lebih baik.

5. Pemuafakatan Dan Kesatuan Dalam Membuat Keputusan Dan Pelaksanaan

Melalui forum Mesyuarat Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia, Semua perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran di Mahkamah Syariah, pewujudan Arahan Amalan, Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dan peraturan dapat diselaraskan dan diseragamkan di seluruh Malaysia. Melalui pemuafakatan dan kesatuan di antara Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, pelan perancangan strategik JKSM pasti akan tercapai.

6. Kajian Semula Pelan Strategik

Kajian semula pelan strategik JKSM akan dijalankan pada tahun 2018 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik JKSM.

7. Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pengarah

Mulai 2013, Kerajaan telah menetapkan KPI bagi semua Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Perkhidmatan Dan Setiausaha Kerajaan Negeri. KPI ini akan disemak setiap tahun dan bagi tahun 2016, penetapan KPI bagi Ketua Pengarah JKSM adalah seperti berikut :

- i. Penyelesaian 80% kes perlanggaran perintah nafkah melalui runding cara.
- ii. Penyelesaian 90% Kes Hadhanah yang melebihi 2 Tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.
- iii. Penyelesaian kes rayuan Syariah 80% dalam tempoh enam (6) bulan selepas didaftarkan di JKSM bagi negeri-negeri yang menggunakan perkhidmatan Hakim Rayuan JKSM.
- iv. Pembinaan Lima (5) Arahan amalan Mahkamah Syariah yang disediakan dan diluluskan.
- v. Penyelesaian 70% kes yang dikendalikan melalui Majlis Sulh dapat diselesaikan di semua Mahkamah Syariah di Malaysia.
- vi. Memastikan 100% warga kerja JKSM mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam tahun semasa.

- vii. Pencapaian 95% bagi Prestasi Belanja Mengurus Tahunan JKSM.

- viii. Ketersediaan talian rangkaian bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/Mahkamah Syariah Negeri (JKSM/JKSN/MSN) pada tahap 95% setahun.

- ix. Pelaksanaan 100% program terjemahan nas-nas Al-Quran, Al-Hadis dan Pendapat Fuqaha' bagi portal E-Syariah tahun semasa ke dalam Bahasa Inggeris.

PENUTUP

Pelan Strategik JKSM 2016-2020 (Pindaan 2013-2018) merupakan satu garis panduan tumpuan teras dan sasaran inisiatif strategik ke arah mencapai visi dan misi JKSM. Ia menjelaskan panduan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan pentadbiran kehakiman syariah, kualiti pengurusan dan pembangunan modal insan. Diharap dengan wujudnya pelan strategik ini, satu mekanisme pemantauan kepada pihak pengurusan boleh diukur melalui penetapan sasaran dan penunjuk prestasi utama yang lebih jelas, sekaligus menjadikan Badan Kehakiman Syariah sebuah institusi yang di hormati, berintegriti, unggul dan diiktiraf dunia. Komitmen yang tinggi dan kerjasama padu secara kolektif dari semua pegawai daripada peringkat pengurusan tertinggi sehingga kepada peringkat staf sokongan amatlah diperlukan bagi merealisasikan matlamat strategik JKSM untuk menjadikan Badan Kehakiman Syariah yang unggul dan berwibawa.

PASUKAN PROJEK



Pasukan Khidmat Runding MAMPU

Encik Mat Hassan bin Ibrahim

Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Perundingan Pengurusan 1, MAMPU.

Encik Mohd Kamal Azizi bin Shaadan

Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Perundingan Pengurusan 1, MAMPU.

Puan Nur Izyani binti Zakaria

Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Perundingan Pengurusan 1, MAMPU.

Puan Azlinawaty binti Ahmad Bahar

Penolong Pengarah,
Bahagian Perundingan Pengurusan 1, MAMPU



Jawatankuasa Pembinaan Pelan Strategik JKSM 2013-2018

(Pindaan 2016-2020)

Ketua Pendaftar

Pengarah Kanan (Pengurusan)

Pengarah Kanan (Kehakiman)

Semua Pengarah Bahagian

Urus Setia: Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia